



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PSIKOLOGI PERSEKITARAN  
KOD KURSUS : DID2293  
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020  
MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **14** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.



Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Berikut merupakan makna bagi garisan lengkung:

- i. Tindakan (*Action*)
- ii. Kehormatan (*Dignity*)
- iii. Kebebasan (*Freedom*)
- iv. Kelembutan (*Softness*)

- A** i, ii  
**B** i, iii  
**C** iii,iv  
**D** i,ii,iv

2. Di antara yang berikut yang manakah paling tepat menggambarkan kadar (*value*) dalam elemen rekabentuk?



3. Antara berikut yang manakah urutan yang tepat bagi penggunaan elemen-elemen rekabentuk dalam sesebuah ruang dalaman?

- i. Warna.
- ii. Ruang
- iii. Bentuk
- iv. Garisan.

- A i, ii, iii, dan iv
- B i, iii, iv, dan ii
- C iv, iii, i, dan ii
- D iv, iii, ii, dan i

4. Pernyataan di bawah merujuk kepada:

Proses mental dan pengetahuan manusia yg terlibat dalam ketika mengenali atau mengiktiraf objek, mengingat nama , mempunyai idea, memahami ayat, dan menyelesaikan masalah.

- A Fungsi deria.
- B Kognisi persekitaran.
- C Psikologi persekitaran.
- D Pengkhususan maklumat.

5. Kepelbagaian agama, bangsa, dan masyarakat majmuk di Malaysia merujuk kepada persekitaran:

- A Persekitaran sosial.
- B Persekitaran negara.
- C Persekitaran kebudayaan.
- D Persekitaran kepelbagaian.

6. Papan tanda termasuk di dalam kategori persekitaran:

- A Persekitaran sosial.
- B Persekitaran maklumat.
- C Persekitaran kebudayaan.
- D Persekitaran pembelajaran.




Gambarajah 1

7. Gambarajah 1 di atas merujuk kepada papan tanda jenis:
- A Identiti.
  - B Maklumat.
  - C Tunjuk arah.
  - D Perkhidmatan.
8. Pernyataan di bawah merujuk kepada pengetahuan:

Semasa Parameswara sedang berehat di bawah pohon Melaka, dia telah melihat peristiwa anjing pemburuannya ditendang oleh seekor pelanduk. Peristiwa ini dianggap luar biasa kerana seekor pelanduk kecil dapat mengalahkan seekor anjing. Oleh itu, Parameswara memilih untuk mendirikan sebuah kerajaan. dan menamakan tempat itu Melaka bersempena dengan nama pokok beliau berteduh.

- A Pengetahuan umum.
- B Pengetahuan sejarah.
- C Pengetahuan struktur.
- D Pengetahuan prosedur.

9. Gambarajah 2 di bawah merujuk kepada pengetahuan:



Gambarajah 1

- A Pengetahuan fakta.
  - B Pengetahuan sejarah.
  - C Pengetahuan struktur.
  - D Pengetahuan prosedur.
10. Manakah yang paling tepat bagi menerangkan bagaimana rangsangan persekitaran mempengaruhi persepsi seseorang?
- A Psikologi manusia mudah dipengaruhi dengan persekitaran.
  - B Suasana persekitaran mempengaruhi emosi dalaman seseorang.
  - C Tingkah laku manusia bergantung kepada rangsangan persekitaran.
  - D Deria sentiasa memproses rangsangan persekitaran menjadi maklumat.
11. Pernyataan dibawah merujuk kepada:

Ingatan yang sangat singkat yang membolehkan orang menyimpan kesan maklumat deria setelah rangsangan asal berhenti.


- A Memori deria.
- B Memori kognitif.
- C Memori persepsi.
- D Memori jangka panjang.

12. Pernyataan di bawah merujuk kepada papan tanda jenis.

Memberi amaran atau arahan keselamatan. Contohnya amaran jalan raya, amaran lalu lintas, peraturan atau arahan kawasan tertentu (contoh: dewan peperiksaan).

- A Identiti.
- B Maklumat.
- C Tatacara penggunaan.
- D Keselamatan dan penyeliaan.

13. Antara jenis garisan berikut, yang manakah membawa maksud tindakan dan pergerakan?



14. Mengapakah warna merah banyak digunakan pada logo-logo restoran makanan segera?

- A Warna merah mempunyai sifat yang ceria dan gembira.
- B Warna merah adalah warna yang paling mudah dikenali.
- C Kajian membuktikan warna merah mudah dikenali oleh manusia.
- D Kajian membuktikan warna merah boleh membangkitkan selera makan.

15. Pernyataan berikut merujuk kepada teori:

- Memahami kelebihan pemikiran dalam mencapai maklumat dan makna.
- Menilai objek sebagai satu corak atau satu benda, bukan berasingan
- Berdasarkan Konsep berkumpulan (*Grouping*).

- A Teori Piaget.
- B Teori perspsi
- C Teori Gestalt.
- D Teori memori.

16. Antara warna-warna berikut, yang manakah menyebabkan badan menghasilkan bahan kimia yang menenangkan?

- A Biru.
- B Merah.
- C Kuning.
- D Merah jambu.

17. Berdasarkan gambarajah di bawah, pendekatan yang manakah paling sesuai bagi penggunaan psinsip psikologi Gestalt?



- A Jarak (*proximity*).
- B Penutupan (*closure*).
- C Persamaan (*similarity*).
- D Sambungan (*continuation*).

18. Antara yang berikut, yang manakah papan tanda jenis direktori?

A

 JR PROPERTIES INC	
JR Property Co.	SUITE 101
Dawson Pools, LLC	SUITE 102
The Saytman Group	SUITE 103
Carghill	SUITE 201
Laymen & Associates	SUITE 202
BrandyWood Medical	SUITE 203
FoundAbility.com	THIRD FLOOR

C



B



D



19. Antara warna-warna berikut, yang manakah menyebabkan minda lebih jelas?

- A Biru.
- B Putih.
- C Kuning.
- D Merah jambu.



20. Pernyataan di bawah merujuk kepada prinsip reka bentuk:

- Bahagian reka bentuk diagihkan sama rata untuk mewujudkan rasa kestabilan.
- Unsur-unsur dalam reka bentuknya sama dengan garis pusat atau paksi.

- A Kontra.
- B Penekanan.
- C Pergeraakan.
- D Keseimbangan.

**[20 MARKAH]**


**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Carta di bawah menunjukkan aliran Sistem Pemprosesan Maklumat



Carta 1

- Apakah **X**, dan huraikan proses yang berlaku.  
(2 markah)
- Apakah dua (**2**) kelemahan bagi memori jangka panjang (long term memory)?  
huraikan jawapa anda.  
(4 markah)
- Bagaimanakah cara terbaik untuk melatih memori kerja (*short term memory*) agar maklumat yang diproses boleh disimpan lebih lama?  
(2 markah)
- Apakah yang dimaksudkan dengan pengaktifan memori?  
(2 markah)

## SOALAN 2

Warna memainkan peranan penting di dalam rekabentuk dalaman. Penggunaan warna yang tepat boleh memberikan impak psikologi yang baik kepada pengguna sesebuah ruang.



- Huraikan bagaimana warna dan corak memainkan peranan penting di dalam rekabentuk dalaman?  
(2 markah)
- Pada pendapat anda, apakah kesan penggunaan warna dan corak yang berbeza dapat dilihat pada ruang X, Y dan Z?  
(6 markah)
- Huraikan sifat-sifat dan makna warna yang digunakan pada ruang W.  
(2 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **dua (2)** fungsi utama papan tanda.

(2 markah)

b. Huraikan setiap jenis papan tanda berikut, dan sertakan lakaran contoh yang sesuai.

- i. Papan tanda pengenalan.
- ii. Papan tanda penunjuk arah.
- iii. Papan tanda perkhidmatan.

(6 markah)

c. Senaraikan **dua (2)** elemen grafik yang perlu ada dalam setiap rekabentuk papan tanda.

(2 markah)

**SOALAN 4**

Rekabentuk dalaman yang baik bukan sahaja mempunyai rekaan yang kreatif dan menarik, tetapi juga mesti mempunyai impak yang positif kepada psikologi dan tingkah laku pengguna sesebuah ruang dalaman.

a. Bagaimanakah rekabentuk dalaman dapat memberikan kesan yang positif dan mengalakkan tingkah laku yang baik kepada pengguna?

(2 markah)

b. Jika pengguna sesebuah ruang dalaman tidak mempunyai keupayaan untuk melihat dan menghargai rekaan serta kreativiti ruang tersebut, bagaimanakah cara yang sesuai untuk merekabentuk ruang dalaman yang sesuai bagi pengguna tersebut?

(4 markah)

c. Huraikan **dua (2)** cara untuk anda merekabentuk sebuah ruang dalaman bagi pengguna warga emas.

(4 markah)

## SOALAN 5

d. Huraikan **dua (2)** prinsip rekabentuk yang boleh memberikan impak kepada persepsi manusia.

(4 markah)

e. Bagaimanakah elemen rekabentuk kadar atau nilai (*value*) boleh merubah sesuatu persekitaran?

(2 markah)

f. Huraikan bagaimana penggunaan prinsip reka bentuk di dalam ruang dalaman dapat membentuk persepsi pengguna?

(2 markah)

g. Berikan makna disebalik jenis-jenis garisan di bawah:

- i. Garisan menegak (*horizontal*)
- ii. Garisan lengkung (*curve*)

(2 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Apakah pendekatan psikologi yang boleh digunakan dalam merekabentuk ruang-ruang dalaman tersebut, huraikan setiap jawapan anda dengan contoh gambar atau lakaran yang sesuai.

- i. Galeri seni dan kebudayaan.
- ii. Bilik tidur remaja perempuan.
- iii. Pusat latihan orang-orang buta.
- iv. Butik pakaian berjenama mewah.
- v. Bilik atau kuarantin pesakit Covid-19

(15 markah)

**SOALAN 2**

Puan Rohaya ingin mengubahsuai sebuah bilik tidur bagi anak lelaki beliau yang berumur 7 tahun dan menghadapi autisme. Sebagai seorang perekabentuk dalaman yang dilantik, anda diminta untuk menghasilkan satu lakaran pelan lantai dan satu papan konsep dan skema warna bilik tidur yang sesuai dengan keperluan anak beliau yang menghadapi autisme.

Pelajar dikehendaki menghasilkan:

- i. Papan konsep yang sesuai.
- ii. Lakaran pelan lantai ringkas.
- iii. Papan skema warna yang sesuai.

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**